

# UMS anjur Pertandingan Persembahan Seni UMS Inter College

UB 29.4.16 A13

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Bahagian Kebudayaan dan Kesenian menganjurkan Pertandingan Persembahan Seni UMS Inter College (PPSUMS) bagi Kategori Tarian 1Malaysia di Anjung Siswa, baru-baru ini.

Pertandingan Tarian 1Malaysia itu disertai lima Kolej Kediaman iaitu Kolej Kediaman Excellent, Kolej Kediaman Tun Fuad, Kolej Kediaman UMS-Kampus Antarabangsa Labuan (KAL), Kolej Kediaman Sri Angkasa dan Kolej Kediaman Tun Mustapha.

Selain itu, turut dianjurkan Pertandingan Nyanyian Nasyid di UMSKAL yang disertai dua buah kumpulan dari UMSKAL, satu

kumpulan masing-masing dari Kolej Kediaman Excellent, Tun Fuad, Tun Mustapha dan USIA 1Borneo.

Keputusan bagi kedua-dua pertandingan menyaksikan Kolej Kediaman Tun Mustapha muncul juara bagi kedua-dua acara.

Tempat kedua bagi pertandingan tarian Tarian 1Malaysia disandang Kolej Kediaman Excellent, manakala Kolej Kediaman Tun Fuad di tempat ketiga.

Bagi pertandingan Nyanyian Nasyid, Kolej Kediaman Tun Fuad memenangi tempat kedua dan UMSKAL di tempat ketiga.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Profesor Madya Dr Ismail Ali berkata objektif pertandingan itu

adalah untuk meningkatkan inovasi dan menghasilkan produktiviti yang berkualiti melalui karya mahasiswa UMS.

“Program ini akan menjadi salah satu acara tahunan sebagai usaha mencungkil bakat dalam kalangan siswa-siswi untuk diketengahkan ke peringkat lebih tinggi,” katanya.

Beliau yang turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang memberitahu bahawa program itu akan bersambung pada Mei untuk pertandingan nyanyian lagu asli dan teater yang masing-masing akan diadakan di UMS kampus cawangan Sandakan dan Dewan Resital kampus induk.

Hadir sama memeriahkan acara ialah Ketua Jabatan HEP Azmi Jumat.